

Diselaraskan oleh **Mazmin Mat Akhir** mazmin@unimap.edu.my, **Hasdarinar Abdul Jalal** hasdarinar@unimap.edu.my,
Nazirah Zainul Abidin nazirah@unimap.edu.my dan **Norakmal Abdul Karim** norakmal@unimap.edu.my

Mesyuarat Pustakawan Rujukan dan Mesyuarat PERPUN Pertama USM Kubang Kerian

Mesyuarat Pustakawan Rujukan Pertama telah diadakan di **USM Kubang Kerian** pada **14 Januari 2008**. Mesyuarat ini diadakan **serentak dengan Mesyuarat PERPUN**.

Pelbagai cadangan jalinan kerjasama serta projek Pustakawan Rujukan tahun 2008 telah dirancang. Antara cadangan yang telah mendapat persetujuan semua Ketua Pustakawan PERPUN (Persidangan Perpustakaan Universiti dan Perpustakaan Negara Malaysia) adalah :

- **Mengadakan Sistem Perkongsian Ilmu untuk meningkatkan perkhidmatan rujukan**
- **Membangunkan user group untuk Pustakawan Rujukan**
- **Mengaktifkan Online Forum dalam Portal PERPUN**
- **Mengadakan mesyuarat antara Pustakawan Rujukan sebanyak satu kali setahun**
- **Memberi keistimewaan akses maklumat kepada pelajar lanjutan/staf akademik daripada institusi (PERPUN) lain sama seperti kategori di institusi berkenaan kecuali pinjaman keluar.**
- **Menganjurkan bengkel/kursus untuk Pustakawan Rujukan.**
- **Membangunkan Online Tutorial bagi pangkalan data langganan PERPUN**
- **Membangunkan Reference Bank untuk memudahkan proses carian maklumat secara kolaboratif.**

Mesyuarat JKPDK di Perpustakaan UIA

Mesyuarat pertama Jawatankuasa Pangkalan Data Komersial (JKPDK) telah diadakan pada 09 Januari 2008 bertempat di Dewan Senat, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). **Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Puan Nooraini Ismail, Ketua Pustakawan UIAM.** Mesyuarat diadakan khusus untuk membincangkan perkembangan empat (4) langganan pangkalan data yang bakal ditaja oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Selain itu, mesyuarat turut memberi tumpuan terhadap isu peningkatan kos langganan dan penetapan piawaian penilaian pembekal pangkalan data.

Mobile Inventory System Unit



Menyusun puluhan ribu buku di rak bukanlah kerja mudah. Susunan bahan yang betul di atas rak amat penting untuk memastikan capaian kepada bahan oleh para pengguna Perpustakaan. Selaras dengan matlamat untuk meningkatkan keberkesanan capaian kepada maklumat, Perpustakaan telah memperolehi **Mobile Inventory System Unit** pada awal 2008. Alat ini berfungsi untuk melaksanakan semakan koleksi perpustakaan melalui tag **RFID** yang dilekatkan secara strategik kepada setiap bahan perpustakaan. Reka bentuk alatan yang ergonomik dan keupayaan menghubungkannya kepada komputer riba dan PDA memudahkan kerja-kerja pengimbasan bahan di rak.

Konovrat

Lawatan ke Universiti Brunei Darussalam

Pada 12 Mei 2008, delegasi Persidangan Perpustakaan Universiti dan Negara (PERPUN) memulakan lawatan kerja ke **Universiti Brunei Darussalam (UBD)**. Kumpulan ini telah mengadakan Mesyuarat PERPUN di Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kampus Labuan pada hari sebelumnya. Lawatan ini juga disertai oleh para Pustakawan yang mengikuti Bengkel Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang dianjurkan secara serentak dengan Mesyuarat PERPUN.

Selepas hampir dua (2) jam menaiki feri dari Terminal Antarabangsa Labuan, delegasi tiba di negara Brunei Darussalam. Delegasi kemudiannya menaiki kenderaan Universiti dan dibawa ke Dewan Canselor. Ketibaan kami disambut oleh para Pegawai Perhubungan Awam Universiti dan para Pustakawan. Kami dihidangkan dengan taklimat mengenai sejarah, perkembangan dan status semasa Universiti Brunei Darussalam (UBD) dalam arus pendidikan negara Brunei. Sebagai aluan, **Pemangku Ketua Pustakawan UDB** iaitu **Dr. Haji Awang Suhaimi Haji Abdul Karim** memperkenalkan para Pustakawan dan seterusnya menyampaikan taklimat mengenai Perpustakaan, kemudahan, koleksi dan perkhidmatan yang ditawarkan.

Seterusnya delegasi mendengar taklimat mengenai perkhidmatan berasaskan elektronik meliputi **WebOPAC**, pangkalan data atas talian, jurnal dan buku elektronik yang **dilanggan oleh Perpustakaan UBD**. **Puan Paiza, Ketua Pustakawan Universiti Teknologi MARA Shah Alam (UiTM)** merangkap Pengerusi PERPUN menyampaikan ucapan penghargaan di atas kesudian pihak UBD menerima kunjungan delegasi PERPUN.

Lawatan diteruskan ke bangunan Perpustakaan UBD yang tersergam indah di tengah kampus universiti. Aliran atau trend yang sama dilihat dalam aspek fizikal ruang perpustakaan. Walau bagaimanapun, aspek promosi perkhidmatan amat ditekankan oleh Perpustakaan UBD. Ini dapat dilihat melalui penghasilan brosur yang pelbagai dan komprehensif di samping penempatan papan tanda perkhidmatan yang strategik kepada para pengguna.

Ruang pendigitalan bahan agak sederhana luasnya namun menempatkan alatan pendigitalan yang cukup canggih. Kegiatan pendigitalan koleksi juga dilaksanakan secara terancang selaras dengan keperluan pengguna.

Tepat jam 4.30 petang, delegasi bertolak dari Jeti Muara ke Labuan dengan pelbagai pengalaman dan pengamatan baru. Bagi kami, lawatan ini amat bermakna untuk meninjau prestasi Perpustakaan di UBD dan berkongsi amalan terbaik untuk kemajuan perpustakaan dan perkhidmatan maklumat di Malaysia. Dua naskhah Al-Quran yang diletakkan di kiri kanan pentas utama Dewan Canselor masih terpahat dalam ingatan.

LAWATAN KE PERPUSTAKAAN

Prince of Songkla

Perpustakaan Prince of Songkla University (PSU) menggambarkan usia 42 tahun Universiti berkenaan. Namun, elemen teknologi maklumat dilihat dengan jelas dalam aspek penyediaan prasarana komputer, pembangunan koleksi elektronik tempatan dan **Video on Demand (VoD)**. Malahan, paling membanggakan, PSU menggunakan sistem perpustakaan bersepadu yang dibangunkan sendiri oleh Jabatan ICT Universiti berkenaan. Kami juga amat tertarik dengan ruang tayangan tertutup yang menawarkan kemudahan tayangan filem-filem popular pilihan. Rancangan ASTRO juga ditayangkan dan pengguna dibenarkan memilih saluran yang diinginkan! Kunjungan saya dan Puan Hajjah Foyziah ke Perpustakaan PSU menyuntik idea untuk mempromosikan koleksi media meliputi video, CD-ROM dan DVD melalui pembangunan kemudahan **Video on Demand (VoD)** di UniMAP.

Walailak University

Selepas mengunjungi Perpustakaan PSU, kami berpeluang pula melawati **Perpustakaan Walailak University** di **Nakhonsithammarat, Thailand**. Bangunan baru dan moden diisi dengan koleksi, kemudahan dan perkhidmatan terkini. Reka bentuk perpustakaan amat mesra pengguna dengan penawaran kemudahan kafe dan galeri di hadapan pintu masuk. Walaupun banyak yang dilihat, namun tidak banyak maklumat yang lengkap diperolehi, ini kerana bahasa membataskan komunikasi kami.

